

Pengajaran Pengalaman Konflik Hubungan Etnik di Malaysia: Sorotan Faktor Berdasarkan Penganalisan Masyarakat

Pembentang:
Dr. Nur Azuki bin Yusuff

Pendahuluan

Hubungan etnik dalam masyarakat merupakan suatu fitrah yang menjadi keperluan bersama. Namun sejauhmana kukuh dan eratnya hubungan tersebut perlu dinilai dalam konteks yang pelbagai. Hubungan etnik di Malaysia contohnya perlu dinilai dalam bentuknya perpaduan dan integrasi. Berpandukan pengalaman sejarah, pelbagai dasar dijalankan oleh badan kerajaan dan bukan kerajaan demi mengeratkan ikatan hubungan etnik. Justeru, hakikat yang ingin diketengahkan dalam penulisan ini ialah sorotan beberapa pandangan intelektual pelbagai etnik yang menyatakan pandangan dan penganalisan berdasarkan pengalaman konflik hubungan etnik di Malaysia yang boleh dijadikan sempadan dan iktibar pada masa hadapan.

Hubungan Etnik Berdasarkan Kedudukan Perpaduan Masyarakat Malaysia

Kemerdekaan dalam erti kata berkerajaan sendiri amat mempengaruhi nasib, pegangan politik, pemikiran, peradaban serta pegangan identiti para penduduk Malaysia.¹ Oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara demokrasi, maka setiap rakyat mempunyai hak menentukan halatuju dan matlamat keuntungan hidup masing-masing. Atas alasan itulah sebilangan masyarakat Malaysia yang beridentitikan kemajmukan mempunyai halatuju hidup yang pelbagai hala antara satu sama lain, jelasnya dibuktikan melalui ideologi politik yang berbeza.

Sepanjang tahun 1870-an hingga 1910-an, pendatang Cina dan India telah membentuk etnisiti sendiri dan menentang asimilasi dengan budaya Melayu yang lebih dominan.² Implikasinya memang dirasakan sekali. Berikut ini beberapa pandangan yang diberikan berkenaan kedudukan perpaduan kaum yang mempengaruhi konflik hubungan etnik di Malaysia;

Abraham (1977) menyatakan konflik hubungan etnik adalah disebabkan sistem penjajahan dan penaklukan itu sendiri yang telah mencorakkan masyarakat yang amat berbeza berbanding sebelum penaklukan berlaku.³

Lu hon Sun (1989) pula menambah dan menegaskan antara dasar yang betul-betul memberi kesan ialah Dasar Pecah Perintah British yang mewujudkan perbezaan etnik, ekonomi, politik dan sistem pendidikan Vernakular. Urbanisasi juga melibatkan penempatan penduduk berbeza mengikut ras. Selain itu apabila mereka telah berjaya membentuk dunia masing-masing maka tidak hairanlah sekiranya ia dikuatkan dengan faktor-faktor lain seperti akhbar pelbagai bahasa dan persatuan pelbagai kaum yang

¹ Gilbert Khoo. Dorothy Lo, *Asian Transformation; A history Of South and East Asia* , Kuala Lumpur; Heinemann Educational Bokks Ltd. h. 209.

² Alvin Rabushka (1973), *Race and Urban Politics In Moderna Malaya*, Hoover Institution Press, Stamford, h. 62 dan 254.

³ Abraham, Colin E.R (1977), *Race Relations In West Malaysia With Special Reference To Modern Political And Economic Development*, Disertasi, Oxford University, h. 5.

menguatkan perkauman. Keadaan ini berlanjutan sehingga sebelum Kemerdekaan. Antara isu utama sensitiviti peringkat ini melibatkan isu bahasa rasmi dan pendidikan.⁴

Manakala jika dirujuk kepada isu di peringkat pilihanraya 1955, konflik utama ialah tentang isu kewarganegaraan, bahasa dan autonomi Melayu.⁵ Malangnya, Rabushka (1973) berkata penjajah tidak mengambil inisiatif untuk menangani atau lansung mengabaikan masalah krisis kependudukan majmuk sehingga ia terus wujud selepas Kemerdekaan Tanah Melayu.⁶

Taib Abdul Rahman (1979) menyatakan antara punca konflik hubungan etnik yang berlaku pada awal Kemerdekaan Tanah Melayu ialah:⁷

1. Perbezaan kebudayaan dan latar belakang sosial antara kaum.
2. Kekuasaan politik serta hak istimewa orang Melayu.

Sistem parti yang berasaskan politik perkauman, tindak tanduknya sering mengancam perpaduan Nasional.

Dr. Sanusi Osman (1989) pula menambah bahawa parti-parti politik perkauman di negara ini bukan bertujuan untuk menimbulkan persefahaman dan mengurangkan perbezaan di kalangan kumpulan-kumpulan etnik bagi mencapai persefahaman dan perpaduan tulin, sebaliknya parti-parti ini mempergunakan perbezaan yang wujud di kalangan kumpulan etnik ini bagi kepentingan politik masing-masing.⁸

Begitu juga Sulaiman Salleh (1977) berkata antara faktor lain ialah ketidakseimbangan ekonomi, bermula dari Dasar Inggeris dahulu dan masalah Penempatan penduduk dan pembangunan wilayah.⁹

Pendapat lain yang diketengahkan oleh Chee Hong Chye (1971) pula berkenaan faktor pembahagian rakyat kepada bumiputra dan bukan bumiputra. Pemisahan ini menyebabkan persaingan masing-masing merebut apa yang mereka tiada. Masyarakat Cina inginkan kuasa politik manakala masyarakat Melayu inginkan penguasaan ekonomi.¹⁰

Suasana perpecahan ini tidak cuba ditangani secara serius selepas Kemerdekaan Tanah Melayu oleh kerajaan yang menyebabkan konflik hubungan antara kaum tetap wujud. Perpecahan ini bukan sekadar melibatkan antara kaum, ia juga berlaku disebabkan perbezaan ideologi politik dalaman setiap kaum itu sendiri

⁴ Lu Hon Sun (1989), "Chinese Politics In Malaysia;The MCA Crisis of 1984/85". UM, Disertasi, Jabatan Pentadbiran Awam. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Am,.h. 129-144.

⁵ Lu Hon Sun (1989), *Op.cit.* .h.76-83.

⁶ Alvin Rabushka (1973), *Race and Urban Politics In Moderna Malaya*, Hoover Institution Press, Stamford, h. 62 dan 254

⁷ Taib Abdul Rahman (1979), "Masalah Perpaduan Antara Kaum di Malaysia", L.I., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁸ *Ibid* h.201. Dr. Sanusi Osman, *Beberapa persoalan Tentang hubungan Etnik di Malaysia Barat*, h.149.

⁹ Sulaiman Salleh (1977), "Masalah hubungan kaum di Malaysia, Pembangunan dan Masalah Sosial", kumpulan Rencana Dewan Masyarakat 1963-1972, h. 211.

¹⁰ Chee Hong Chye, Stephen (1971), "Socio Cultural, Pluralism and Political Change: The Dilemmas Of The Bimodal Society In Malaya", Tesis, University Of Pittsburgh, h. 4.

tidak kira samada Cina, India dan Melayu sendiri.¹¹ Antara contoh yang ketara ialah dalam kepartian masyarakat Cina, objektif dasar MCA ialah polisi kewarganegaraan dan pendidikan serta hak bahasa. PPP People's Prograssive Party memperjuangkan Jus Soli, pelbagai bahasa dan liberal. Terdapat juga gerakan sosialis dengan The United Democratic Party di asaskan oleh Dr. Lim Chong Eu menentang dasar People Action Party (PAP) yang pro komunis.¹²

Di sebalik beberapa faktor yang disebutkan, Roy H. Haas (1967) dan Lu Hon Sun (1989) yang mewakili pandangan segelintir masyarakat bukan Islam menyatakan konflik hubungan etnik ini tidak menyentuh lansung tentang pertentangannya dengan ideologi Islam. Pandangan mereka berkenaan politik dan Islam dirujuk semasa mengulas tentang krisis parti.¹³

Peristiwa 13hb. Mei 1969 Dan Beberapa Pandangan Sikap Hubungan Antara Etnik

Sejarah Malaysia telah melakarkan satu titik hitam dalam fenomena perpaduan negara melalui peristiwa berdarah yang berlaku pada 13hb. Mei 1969 menyebabkan negara diisytiharkan darurat dan diperintah oleh Majlis Gerakan Negara selama 20 bulan. Ramai penganalisis telah memberi pandangan berkenaan punca peristiwa tersebut yang mengambilkira konflik hubungan etnik. Antara yang dapat dipetik di sini ialah:

Shafie Mohd Salleh (1971) menyatakan puncanya secara am ialah kerana kerenggangan budaya, ekonomi dan perkauman. Begitu juga sikap Kerajaan terlalu liberal walaupun hakikatnya peniruan demokrasi British tidak sesuai dengan masyarakat Malaysia. Manakala puncanya secara khas ialah dari sudut politik; UMNO terlalu bermurah hati, kerakyatan mudah dan masyarakat Cina selalu menuntut sesuatu dengan rusuhan. Begitu juga tidak banyak keistimewaan Melayu diperolehi oleh semua orang Melayu, Sebilangan kecil orang Melayu sahaja yang dapat (Melayu UMNO dan pimpinannya). Pemimpin UMNO pula lebih tunduk kepada orang bukan Melayu berbanding kehendak Melayu Islam yang tidak sehaluan ideologi politik dengan mereka. Tindakan Singapura mempersendakan corak kepimpinan Kerajaan Malaysia dan penguasaan Ekonomi oleh masyarakat Cina juga perlu diambilkira.¹⁴

Hoo Lal Lai (1989) juga berkata isu Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Bahasa Malaysia turut digembar gemburkan oleh penduduk bukan Melayu. Pada hakikatnya

¹¹ *Perpecahan Masyarakat Cina Dalam Krisis MCA; Ujian prinsip Demokrasi*, Dr. Ting Chew Peh dan Goh Teck (pnyt.), Penerbit Abadi, Negeri Sembilan, 1984.

¹² Chang Heng Chee (1965), "The Malayan Chinese Association", Department Of Political Master Of Arts, University of Singapore, h. 43-77.

¹³ Roy H. Haas (Januari 1967), "The Malayan Chinese Association 1958-1959; An analysis of Differing Conceptions Of Malayan Chinese Role In Independent Malaya", Master Of Arts Department Of Political Science, Northern Illinois University, Lihat juga dalam Lu Hon Sun (1989), "Chinese Politics In Malaysia; The MCA crisis of 1984/85". Disertasi, Jabatan Pentadbiran Awam. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Am, UM.

¹⁴ Shafie bin Mohd Salleh (1971), "Trajidi 13 Mei 1969 dan Kerajaan Dharurat dari sudut kemasyarakatan dan Perlembagaan Persekutuan". Universiti Malaya. Kuala Lumpur, L.I. Jabatan Pengajian Melayu.

bahasa Malaysia cuma sebagai alat interaksi dan tidak mempengaruhi integrasi dan interaksi antara kaum.¹⁵

Manakala Anthony Reid (1969) pula memberitahu punca tragedi 13hb. Mei ialah kerana persaingan politik. Sikap penyokong DAP yang kuat berdemonstrasi akhirnya membawa padah.¹⁶

Leon Comber (1983) menambah dengan katanya ia berpunca dari kempen politik yang sengaja menimbulkan isu-isu sensitif. Oleh kerana pada masa tersebut tidak ada akta dan peraturan yang boleh menyekat isu-isu sensitif yang dibawa, maka ia menjadi hangat dan menyakitkan perasaan etnik yang bertentangan.¹⁷

Kamaruzaman bin Ujang (1990) dalam 'The Malaysian Chinese Dilemma' menyatakan masyarakat Cina sebilangan besarnya kurang bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).¹⁸ Pandangan ini disokong oleh Kua Kia Soong (1987), yang menganggapkannya tidak adil kepada bukan bumiputera dan hanya menguntungkan segelintir elite Melayu sahaja. Beliau dan Rabushka bersependapat dengan menyatakan pihak politik tidak perlu campurtangan dalam ekonomi kaum dalam pasaran bebas, ia hanya perlu ditekankan dari sudut peranan pasaran. Akan tetapi, perkara tersebut disangkal oleh Laporan Ekonomi Negara dalam 'Malaysia, Pertumbuhan dan Keadilan dalam Masyarakat Majmuk' yang dijalankan oleh Kevin Young, Willem C.F. Bussink, Parvez Hasan menyatakan dengan terperinci kedudukan Dasar Ekonomi Baru adil dan samarata. Ia lansung menafikan dakwaan segelintir masyarakat Cina dan India yang mengatakannya tidak adil.¹⁹

Kua Kia Soong (1987) juga menjelaskan punca konflik hubungan etnik adalah dari masalah polarisasi kaum yang amat ketara. Punca lain ialah peranan media masa yang memecahbelahkan dengan menimbulkan perasaan perkauman demi kepentingan peribadi.²⁰

Mohd Ali Kamaruddin (1998) pula berkata faktor utama peristiwa 13hb. Mei 1969 berlaku kerana kegagalan kerajaan Perikatan mengatasi gejala politik perkauman dan masalah penerimaan struktur ekonomi sedia ada sebelum itu yang bersifat Dualisme.²¹

¹⁵ Hoo Lal Lai, "Hubungan Etnik di Universiti Malaya; Satu Penelitian Terhadap Sikap Pelajar Cina", Kuala Lumpur, L.I, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi. 1988/89.

¹⁶ Anthony Reid (1969), *Kuala Lumpur Riots and The Malaysian Political System*, Australian Outlook, Vol.23, h.258-278.

¹⁷ Leon Comber (1983), *13 May 1969, A Historical Survey Of Sino-Malay Relation*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Books(Asia) Ltd.. h.63.

¹⁸ Lihat Lim Kit Siang (1978), *The Second Malaysia Plan 1970-1975, Time Bombs In Malaysia*, Kuala Lumpur, DAP, .h. 54; Kamaruzaman bin Ujang, "The Malaysian Chinese Dilemma", 1989/90, Disertasi, Fakulti Ekonomi, Jabatan Ekonomi dan Pentadbiran Awam,

¹⁹ Kevin Young, Willem C.F. Bussink, Parvez Hasan (1980), *Malaysia, Pertumbuhan Dan Keadilan Dalam Masyarakat Majmuk*. Laporan Ekonomi Negara, Bank Dunia, Abdul Rahman Othman (pnyt edisi Melayu), Universiti Malaya, Kuala Lumpur., Penerbit B/P Bank Dunia, h.52-70.

²⁰ Kua Kia Soong ed. (1987), *Polarisation In Malaysia, The Root Causes: A Study Of The Communal Problem*, Kuala Lumpur: Hikari Secretarial Services, h.1 dan 58.

²¹ Mohd Ali Kamaruddin (1998), "Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Merlayu; UMNO Kelantan 1946-1990". Tesis, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan Universiti Malaya, h.321.

Kebanyakan masyarakat Cina dan Melayu setuju tentang budaya menarik sokongan parti-parti melalui pelbagai isu memerosotkan hubungan antara kaum. Kenyataan ini diambil dari Wan Hashim (1983) dengan katanya:

“Suasana sebelum 13hb. Mei telah menunjukkan suatu keadaan perpecahan polarisasi kaum adalah didapati perasaan persefahaman adalah rendah manakala perasaan perkauman pula semakin tinggi. Keadaan ini menjadi bertambah runcing dengan adanya ahli politik yang suka menjadi batu api. Akhirnya membawa kepada berlakunya pertumpahan darah yang tidak diingini.”²²

Ching Jin Yih (2002) telah menampelak bahawa masyarakat Cina jelasnya gagal menepati hasrat kerajaan dan kehendak negara bangsa baru bagi mengeratkan hubungan etnik kerana:²³

1. Malaysia mengamalkan akulturasi (pembudayaan) sebagai proses integrasi, ini kerana usaha pengekalan peradaban adalah meluas oleh masyarakat Cina.
2. Sensitif dengan isu pendidikan dan bahasa, mereka masih sayangkan Cina Tanah Besar mereka.
3. Kepelbagaian orientasi politik, contohnya masyarakat Cina terbahagi kepada 3 iaitu Cina selat, Pro Guamindang dan pro sosialis dan komunis.

Selain dari faktor di atas, kadar Integrasi yang rendah itu juga berkait rapat dengan sikap etnosentrik, stereotaip, prasangka dan iri hati antara kaum.²⁴ Beberapa kajian dan penulisan pernah membuktikan kadar integrasi masyarakat pada tahap minima.

Hasil kajian Rabushka (1969) menunjukkan interaksi yang berlaku antara mahasiswa Melayu dan Cina adalah pada tahap yang minima. Semakin rendah interaksi maka semakin rendahlah proses integrasi berlaku. Katanya sikap etnosentrik memainkan peranan mengurangkan proses integrasi berlaku.²⁵

Pendapat lain pula menyatakan tidak semestinya kadar interaksi tinggi mampu menintegrasikan masyarakat secara maksima kerana hubungan sebegitu gagal menghapuskan perasaan perkauman dan mereka masih kuat dengan prasangka dan stereotaip.²⁶ Lee lai Ming (1975) menyatakan interaksi walaupun sedikit, ia tetap mempengaruhi kadar integrasi kerana pelajar yang berpendidikan tinggi kurang bersikap prasangka berbanding pelajar di peringkat menengah dan rendah. Beliau membuat kritikan terhadap Rabushka dari sudut kaedah pengukuran data, analisis dan interpretasi data.²⁷

²² Wan Hashim (1983), *Race Relations In Malaysia*, Kuala Lumpur , Heinemann Educational Books(Asia) Ltd., h. 83.

²³ Ching Jin Yih (2002), “Penyesuaian Imigran Dalam Masyarakat Majmuk; satu Kajian ke Atas Peradaban Orang Cina Dalam Era Kemerdekaan Malaya”, Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 80.

²⁴ Abdul Halim Abdullah@ Lim Beng Eng (1990/91), “Perhubungan Etnik di Universiti Malaya;Khas Perhubungan Antara Mahasiswa Melayu dan Cina”, Disertasi, Fakulti Ekonomi, Jabatan Ekonomi dan Pentadbiran Awam, Universiti Malaya.

²⁵ Rabushka,Alvin, *Integration In a Multi Racial Institution: Ethnic Attitudes Among Chinese amd Malay Students At The Universiti Of Malaya*. h. 60-61, Race. Vol.II, no.1, July 1969; Abdul Halim Abdullah@ Lim Beng Eng, *op.cit.*.

²⁶ Gardner’s, Dalam T. Marimuthu dkk. *National Integration*, Kuala Lumpur, Prime Minister Department, 1987. h.25. Abdul Halim Abdullah@ Lim Beng Eng, *loc.cit.*

²⁷ Lee Lai Ming (1975), “A Study Of Interaction And Integration Among Some Malay and Chinese Student; Critique ang Replication Of Rabushka’s Study Of Integration In Malaya”. Disertasi, Kuala Lumpur: Universiti Of Malaya.

Pada hakikatnya walaupun terdapat ruang terbuka dan tidak terhad untuk berinteraksi, tetapi ia tetap berlaku pada tahap minima sahaja.²⁸ Begitu juga Bahasa Malaysia mampu meninggikan interaksi antara kaum.²⁹

Sekolah aliran Inggeris yang lebih *heterogeneous* mewujudkan persaingan dan saling meningkatkan diri berbanding sekolah Cina yang lebih *Homogeneous*. Perhubungan etnik kurang memuaskan di sekolah yang *heterogeneous* akibat kesedaran tentang persaingan hebat dengan adanya interaksi lebih kerap.³⁰ Aliran pendidikan mempengaruhi corak interaksi. Sistem pendidikan aliran berbeza menyebabkan perpecahan dan atas dasar ini, sistem pendidikan nasional mampu menyatukan masyarakat.

Chin Jin Yih (2002) mengetengahkan antara *heterogeneous* Cina Malaysia ialah;

1. Kekalkan identifikasi negeri Cina, peradaban dan politik.
2. Realistik, beratkan status sosial, bermain politik dengan bermacam ideologi.
3. Cina tempatan menerima semua tindakan kerajaan.³¹

Sebagai kesimpulan perkara di atas, kenyataan Lim Kit Siang berikut boleh menjelaskan lagi sikap segelintir masyarakat Cina Malaysia:

“JAKIM patut mengalihkan dua rencana mengenai negara Islam daripada laman webnya³² kerana ia menyinggung perasaan dan tidak sensitif kepada kaum bukan Islam serta bertentangan dengan Wawasan 2020 dan konsep Bangsa Malaysia”³³

Sikap masyarakat Cina Tanah Melayu turut dinilai oleh O.L. Kennelm Burridge (1956) ketika mengkaji terhadap hubungannya dengan orang Melayu. Katanya mereka bekerja keras bagi memastikan mereka menguasai semua bidang untuk menguasai Malaysia dari orang Melayu yang kurang motivasi³⁴ Sebelum itu secara optimis J. S. Furnivall menyatakan hubungan etnik adalah harmoni sebelum perang kerana kaum imigran masih tidak mencampuri urusan politik Tanah Melayu.³⁵

²⁸ Sanusi Osman (1989), *Universiti Pertanian Malaysia, Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*, Petaling Jaya, Fajar Bakti, h. 65 dan 45.

²⁹ Yew Yeok Kim (1982), “Education, National Identify And National Integration: A Survey Of Secondary School Student Of Chinese Origin In Urban Peninsular Malaysia”, Thesis, Stanford University, h.166-172.

³⁰ Pandangan dua orang pengkaji (Bock dan Yew) juga dalam T. Marimuthu dkk. (1987), *National Integration*, Kuala Lumpur, Prime Minister Department, h.16

³¹ Ching Jin Yih (2002), “Penyesuaian Imigran Dalam Masyarakat Majmuk; Satu Kajian ke Atas Peradaban Orang Cina Dalam Era Kemerdekaan Malaya”, Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera sains Sosial, Universiti Malaya.

³² Lihat web <http://www.Islam.gov.my>

³³ Kenyataan Sidang Media oleh Pengerusi Kebangsaan DAP, Lim Kit Siang di ibu pejabat DAP, Petaling Jaya pada hari Rabu, 5 Disember 2001, pukul 12:30 tengah hari. 12 hari selepas DAP membuat seruan awam bagi penarikan baliknya pada forum DAP Pulau Pinang “Malaysia – Islamic State or Secular State” oleh sebab terbitan itu menyinggung perasaan dan tidak sensitif kepada kaum bukan Islam serta bertentangan dengan matlamat Bangsa Malaysia Wawasan 2020.

³⁴ O.L. Kennelm Burridge (1956), “A Report On Field Work” Batu Pahat, Johor, Social Research Unit , University Of Malay, h. 79.

³⁵ J. S. Furnivall (1948), *Colonial Policy And Practic*, Cambridge, Cambridge University Press, h.304

Stereotaip positif orang Melayu terhadap orang Cina ialah rajin, pandai dan bercita-cita tinggi manakala buruknya ialah tidak berlaku dalam semua ini: adil, jujur, peramah, pemurah, baik hati, bersih kemas, boleh dipercayai, sopan santun, timbang rasa, lemah lembut, tolak ansur dan tidak suka bising. Manakala orang Cina terhadap orang Melayu ialah baik dari sudut jujur, peramah, pemurah, baik hati, bersih, lemah lembut, sopan santun, timbang rasa, tetapi bagi mereka orang Melayu tidak: rajin, adil, pandai, boleh dipercayai, tak suka bising dan bercita-cita tinggi.

Theodore Adam (1944) menyatakan kaum Melayu menunjukkan sikap etnosentrik lebih kuat dari orang Cina.³⁶ Contohnya kata pepatah Melayu “Hujan Emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri”.³⁷

Abdul Halim Abdullah@ Lim Beng Eng menjelaskan bahawa kebanyakan orang Cina dahulu tidak bersetuju menyatakan jaminan Perlembagaan Malaysia adalah untuk semua kaum.³⁸ Ramai berpendapat orang Cina tidak boleh diasimilasikan kerana mereka hanya taat terhadap peradaban Cina. Wang Gungwu, G. William, Skinner Donal Willmott, Charles Coppel dan Mary freed Ma menyatakan masyarakat Cina beridentiti kompleks *heterogenous*. C.P.Fitzgerald (1969) berkata:³⁹ “But Weather The Chinese are, as many are, Christian or Buddhist(Mahayana), Their National Culture to which they all adhere. This strongly uniform, cohesive race, separated by seas and frontiers, is essentially one people with a shared heritage, The Chinese civilization.”

Namun, apa yang menarik perhatian, sebagaimana yang pernah dinyatakan sebelum ini (Roy H. Haas (1967) dan Lu Hon Sun (1989)), bahawa isu keagamaan bukanlah merupakan faktor besar yang merenggangkan secara lansung hubungan etnik. Di Malaysia amnya, Che Hock Thye berkata perpaduan di kalangan orang Melayu melalui Islam merupakan setujuan bagi Melayu sendiri tetapi merupakan paksaan bagi masyarakat keseluruhan. Dalam erti kata ia memupuk jarak sosial di kalangan orang bukan Islam. Namun penjarakan ini dapat disatukan dengan penyatuan budaya⁴⁰ dan penyatuan institusi (kemasyarakatan dan sebagainya).⁴¹ Contoh persefahaman dan toleransi ini dapat dibuktikan sebagaimana penilaian yang dibuat oleh Prof. Khoo Kay Kim terhadap masyarakat berbilang kaum dan agama di Kelantan.⁴²

Akan tetapi, tidak dinafikan faktor keagamaan antara aset penting dalam menilai setakat mana kekuatan integrasi kaum berlansung. Sebagai contohnya Punjabi Islam dengan masyarakat Kelantan. Sebab itulah walaupun masyarakat Cina lebih

³⁶ Abdul Halim Abdullah@ Lim Beng Eng, *op.cit.* h.69.

³⁷ From Asiatic review 44 (Januari 1944 by Sir Theodore Adam c.m.g. The Malay In Malaya “Sword And Spears In Our Country, Silver And Gold Abroad, Our Country is still the best.”

³⁸ Abdul Halim Abdullah@ Lim Beng Eng (1990/91), “Perhubungan Etnik di Universiti Malaya;Khas Perhubungan Antara Mahasiswa Melayu dan Cina”, Universiti Malaya, Disertasi, Fakulti Ekonomi, Jabatan Ekonomi dan Pentadbiran Awam. h.116.

³⁹ C.P.Fitzgerald (1969), *The Third China; The Chinese Communities In South East Asia*; Singapore, Donald Moore Press, h. 82.

⁴⁰ Chew Hock Thye. *op.cit.*

⁴¹ Syed Husin Ali (1977), *Masyarakat dan Pimpinan Kampung*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur. h. 78.

⁴² Khoo Kay Kim (April 1980), *Integrasi Masyarakat Bukan Pribumi di Kelantan*. Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan, h. 1

lama bertapak di Kelantan, proses asimilasi masih kurang mendalam. Begitu juga orang Siam dengan Melayu. Namun begitu, bukanlah agama yang mengurangkan pengintegrasian masyarakat, tetapi kerana sikap masing-masing ingin mengekalkan keperibadian sendiri, seperti tidak bersatunya masyarakat Tamil dan Punjabi Islam. Oleh sebab itu, kesukuan berdasarkan tempat asal adalah keperibadian penting.⁴³

Begitu juga tidak dinafikan kekuatan hubungan berlaku sekira masyarakat berada dalam satu akidah. Contohnya orang Melayu menganggap Islam sebagai *acceptance* dan *Incorporation* dengan Melayu sebab mereka kata kalau masuk Islam bermakna masuk Melayu.⁴⁴

Pengalaman Konflik Hubungan Etnik; Rumusan faktor dari Masyarakat Malaysia

Kesemua faktor dan pandangan yang diperjelaskan dalam penulisan ini hanyalah sebahagian kecil cetusan yang diketengahkan oleh segelintir masyarakat Malaysia. Namun pada tanggapan awalnya, ia sudah mampu menyatakan bahawa hubungan etnik di Malaysia ini sangat perlu kepada penjagaan dan perubahan ke arah yang lebih lagi.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, suara rakyat perlu diambil perhatian yang diberikan tindakan penyelesaian masalah secara telus. Keamanan dan kesejahteraan pastinya kekal dengan pendirian negara yang mantap lagi mapan. Antara rumusan ringkas yang boleh diulangi, bahawa pengalaman konflik hubungan etnik di Malaysia adalah kerana beberapa beberapa faktor, iaitu:

1. Corak pemerintahan penjajah seperti Dasar Pecah Perintah British yang mewujudkan perbezaan etnik, ekonomi, politik dan sistem pendidikan Vernakular. Begitu juga meminggirkan kesamarataan sosioekonomi.
2. Proses urbanisasinya melibatkan penempatan penduduk berbeza mengikut ras.
3. Penjajah tidak mengambil inisiatif untuk menangani atau lansung mengabaikan masalah krisis kependudukan majmuk.
4. Perbezaan kebudayaan dan latar belakang sosial antara kaum.

Faktor am itu disemarakan lagi dengan beberapa faktor lain selepas kemerdekaan sehingga mencetuskan Peristiwa 13hb. Mei 1969, iaitu:

1. Sistem parti yang berasaskan politik perkauman. Parti-parti ini mempergunakan perbezaan yang wujud di kalangan kumpulan etnik ini bagi kepentingan politik masing-masing.
2. Faktor pembahagian rakyat kepada bumiputra dan bukan bumiputra. Pemisahan ini menyebabkan persaingan masing-masing merebut apa yang mereka tiada.
3. Kekuasaan politik serta hak istimewa orang Melayu. Isu kewarganegaraan, bahasa dan autonomi Melayu.
4. Sikap awal kerajaan terlalu liberal walaupun hakikatnya peniruan demokrasi British tidak sesuai dengan masyarakat Malaysia.

⁴³ Khoo Kay Kim. *op.cit.*

⁴⁴ Hanapi Dollah (1978), "Komuniti Cina Kampung di tebing Sungai Kelantan; Satu Kajian Cara Hidup Kelompok yang berasimilasi dengan Masyarakat Melayu". Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Lihat juga Moshe Yegar (1976), "Islam And Islamic Institutions In British Malaya, 1874-1941, Policies And Implementation", Ph.D. Hebrew University, h.10.

5. Manakala dari sudut politik; UMNO terlalu bermurah hati, kerakyatan mudah dan masyarakat Cina selalu menuntut sesuatu dengan rusuhan.
6. Begitu juga tidak banyak keistimewaan Melayu diperolehi oleh semua orang Melayu, Sebilangan kecil orang Melayu sahaja yang dapat (Melayu UMNO dan pimpinannya). Pemimpin UMNO lebih tunduk kepada orang bukan Melayu berbanding kehendak Melayu Islam yang tidak sehaluan ideologi politik dengan mereka.
7. Isu Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Bahasa Malaysia. Pada hakikatnya bahasa Malaysia cuma sebagai alat interaksi.
8. Sikap penyokong DAP yang kuat berdemonstrasi akhirnya membawa padah.
9. Kempen politik yang sengaja menimbulkan isu-isu sensitif. Oleh kerana pada masa tersebut tidak ada akta dan peraturan yang boleh menyekat isu-isu sensitif yang dibawa, maka ia menjadi hangat dan menyakitkan perasaan etnik yang bertentangan.
10. Masyarakat bukan bumiputera kurang bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).
11. Masalah polarisasi kaum yang amat ketara sehingga menampakkan kerenggan budaya, ekonomi dan perkauman.
12. Punca lain ialah peranan media masa yang memecahbelahkan dengan menimbulkan perasaan perkauman demi kepentingan peribadi.
13. Masalah penerimaan struktur ekonomi sedia ada (konvensional) sebelum itu yang bersifat Dualisme.
14. Faktor budaya menarik sokongan parti-parti melalui pelbagai isu yang memerosotkan hubungan antara kaum.
15. Faktor Malaysia mengamalkan akulturasi (pembudayaan) sebagai proses integrasi, ini kerana usaha pengekalan peradaban adalah meluas oleh masyarakat Cina.
16. Kepelbagaian orientasi dan kepentingan politik, contohnya masyarakat Cina terbahagi kepada 3 iaitu Cina selat, Pro Guamindang dan pro sosialis dan komunis.

Selain faktor yang diketengahkan tadi, Kerenggan hubungan kaum juga nampaknya berpunca dari masalah sikap yang dibudayakan. Antara contohnya:

1. Sikap etnosentrik, stereotaip, prasangka dan iri hati antara kaum. Sikap ini wujud dalam semua etnik di Malaysia.
2. Sekolah aliran Inggeris (konvensional) yang lebih *heterogeneous* mewujudkan persaingan dan saling meningkatkan diri berbanding sekolah Cina, India dan sekolah rakyat lebih *homogeneous*. Perhubungan etnik kurang memuaskan di sekolah yang heterogeneous akibat kesedaran tentang persaingan hebat dengan adanya interaksi lebih kerap. Contohnya antara *heterogeneous* Cina Malaysia ialah;
 - a. Kekalkan identifikasi negeri Cina, peradaban dan politik.
 - b. Realistik, beratkan status sosial, bermain politik dengan bermacam ideologi.
 - c. Mereka tidak berasa ada jaminan Perlembagaan Malaysia bagi semua kaum.
 - d. Mereka sensitif dengan isu pendidikan dan bahasa (kerana masih sayangkan Cina Tanah Besar mereka).
3. Hakikat lain, kaum Melayu menunjukkan sikap etnosentrik lebih kuat dari etnik lain.

4. Masyarakat bukan Melayu tidak mudah diasimilasikan kerana mereka hanya taat terhadap peradaban asal negara kelahiran keturunan mereka. Mereka beridentiti kompleks *heterogeneous*.

Kesimpulan

Kesemua faktor yang diketengahkan perlu dinilai sepenuhnya oleh setiap individu masyarakat Malaysia. Biarlah sejarah lampau menjadi pelajaran berguna kepada generasi kini dan masa hadapan.

Sebelum diakhiri penulisan ini, penulis ingin menegaskan bahasa isu keagamaan bukanlah merupakan faktor besar yang merenggangkan secara lansung hubungan etnik. Walaupun tidak dinafikan faktor keagamaan antara aset penting dalam menilai setakat mana kekuatan integrasi kaum berlansung dan juga tidak dinafikan kekuatan hubungan berlaku sekira masyarakat berada dalam satu akidah. Atas fakta tersebutlah penulis menekankan bahawa dasar kerajaan kini iaitu membangunkan Modal Insan, pembentukan Islam Hadhari dan pendekatan sistem nilai kerohanian amat perlu direalisasikan bersama setiap warganegara Malaysia.

Bibliografi

- Abdul Halim Abdullah @ Lim Beng Eng (1990/91), Perhubungan Etnik di Universiti Malaya; Khas Perhubungan Antara Mahasiswa Melayu dan Cina, (Disertasi, Fakulti Ekonomi, Jabatan Ekonomi dan Pentadbiran Awam, Universiti Malaya).
- Abraham, Colin E.R (1977), "Race Relations In West Malaysia With Special Reference To Modern Political And Economic Development", (Disertasi, Oxford University).
- Alvin Rabushka (1973), *Race and Urban Politics In Moderna Malaya*, Hoover Institution Press, Stamford.
- Anthony Reid (1969), *Kuala Lumpur Riots and The Malaysian Political System*, Australian Outlook, Vol.23.
- Chang Heng Chee (1965), "The Malayan Chinese Association", (Master Of Arts, Department Of Political University of Singapore).
- Chee Hong Chye, Stephen (1971), "Socio Cultural, Pluralism and Political Change: The Dilemmas Of The Bimodal Society In Malaya", Tesis, University Of Pittsburgh.
- Ching Jin Yih (2002), "Penyesuaian Imigran Dalam Masyarakat Majmuk; satu Kajian ke Atas Peradaban Orang Cina Dalam Era Kemerdekaan Malaya", (Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera Sains Sosial, Universiti Malaya).
- Fitzgerald C.P. (1969), *The Third China; The Chinese Communities In South East Asia*; Singapore: Donald Moore Press.
- Furnivall J. S. (1948), *Colonial Policy And Practic*, Cambridge: Cambridge University Press,
- Gilbert Khoo. Dorothy Lo (t.t.), *Asian Transformation; A History Of Sourth and East Asia*, Kuala Lumpur; Heinemann Educational Books Ltd.

- Hanapi Dollah (1978), "Komuniti Cina Kampung di tebing Sungai Kelantan; Satu Kajian Cara Hidup Kelompok yang berasimilasi dengan Masyarakat Melayu", (Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya).
- Hoo Lal Lai (1988/89), "Hubungan Etnik di Universiti Malaya; Satu Penelitian Terhadap Sikap Pelajar Cina", (L.I, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- Kamaruzaman bin Ujang (1989/90), "The Malaysian Chinese Dilemma", (Disertasi , Jabatan Ekonomi dan Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi, UM)
- Kennelm Burrige O.L. (1956), "A Report On Field Work Batu Pahat, Johor", Social Research Unit, University Of Malay,
- Kevin Young, Willem C.F. Bussink, Parvez Hasan (1980), *Malaysia, Pertumbuhan Dan Keadilan Dalam Masyarakat Majmuk*, Abdul Rahman Othman (pnyt), Laporan Ekonomi Negara, Bank Dunia, Penerbit B/P Bank Dunia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khoo Kay Kim (April 1980), *Integrasi Masyarakat Bukan Pribumi di Kelantan*. (Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan).
- Kua Kia Soong ed. (1987), *Polarisation In Malaysia, The Root Causes: A Study Of The Communal Problem*, Kuala Lumpur: Hikari Secretarial Services,
- Lee Lai Ming, A Study Of Interaction And Integration Among Some Malay and Chinese Student; Critique ang Replication Of Rabushka's Study Of Integration In Malaya. 1975, Universiti Of Malaya kuala Lumpur. Disertasi. kajian dibuat pada tahun 1972.
- Leon Comber (1983), *13 May 1969, A Historical Survey Of Sino-Malay Relation*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Books(Asia) Ltd.
- Lim Kit Siang (1978), *The Second Malaysia Plan 1970-1975, Time Bombs In Malaysia*, Kuala Lumpur: DAP.
- Lu Hon Sun (1989), "Chinese Politics In Malaysia;The MCA crisis of 1984/85". (Disertasi, Jabatan Pentadbiran Awam. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Am. UM)
- Mohd Ali Kamaruddin (1998), "Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Merlayu; UMNO Kelantan 1946-1990", (Tesis, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan Universiti Malaya)
- Moshe Yegar (1976), "Islam And Islamic Institutions In British Malaya, 1874-1941, Policies And Implementation", (Ph.D., Hebrew University)
- Rabushka, Alvin (July 1969), *Integration In a Multi Racial Institution: Ethnic Attitudes Among Chinese amd Malay Students At The Universiti Of Malaya*, Race. Vol.II, no.1, Universiti Malaya.
- Roy H.Haas (Januari 1967), "The Malayan Chinese Association 1958-1959; An analysis of Differing Conceptions Of Malayan Chinese Role In Independent Malaya", (Master Of Arts. Department Of Political Science, Northern Illinois University).
- Sanusi Osman ,Dr. (t.t.), *Beberapa persoalan Tentang hubungan Etnik di Malaysia Barat*.
- Sanusi Osman (1989), *Universiti Pertanian Malaysia, Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Shafie bin Mohd Salleh (1971), "Trajidi 13 Mei 1969 dan Kerajaan Dharurat dari sudut kemasyarakatan dan Perlembagaan Persekutuan". (L.I. Jabatan Pengajian Melayu , Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

- Sulaiman Salleh (1977), "Masalah hubungan kaum di Malaysia, Pembangunan dan Masalah Sosial", Kumpulan Rencana Dewan Masyarakat 1963-1972.
- Syed Husin Ali (1977), *Masyarakat dan Pimpinan Kampung*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Taib Abdul Rahman (1979), "Masalah Perpaduan Antara Kaum di Malaysia", (L.I., AIUM).
- Theadore Adam c.m.g. (Januari 1944), From Asiatic review 44.
- Ting Chew Peh, Dr. dan Goh Teck (pnyt.) (1984), *Perpecahan masyarakat Cina dalam Krisis MCA; Ujian Prinsip Demokrasi*, Negeri Sembilan: Penerbit Abadi
- T. Marimuthu dkk. (1987), *National Integration*, Kuala Lumpur, Prime Minister Department.
- Wan Hashim (1983), *Race Relations In Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books(Asia) Ltd.
- Yew Yeok Kim (1982), "Education, National Identify And National Integration: A Survey Of Secondary School Student Of Chinese Origin In Urban Peninsular Malaysia", (Thesis, Stanford University).

Lihat web <http://www.Islam.gov.my>

Lim Kit Siang (Pengerusi Kebangsaan DAP), Kenyataan Sidang Media di ibu pejabat DAP, Petaling Jaya pada hari Rabu, 5 Disember 2001, pukul 12:30 tengah hari . 12 hari selepas DAP membuat seruan awam bagi penarikan baliknya pada forum DAP Pulau Pinang "Malaysia – Islamic State or Secular State".